

# **Gengsterisme (Part 1)**

**Azizi bin Hj Yahaya**

Zaman remaja dikatakan zaman paling unik sekali dalam kehidupan seseorang (Mahmood, 1990). Dari aspek fizikal berlaku perubahan jasmani dan kematangan seksual untuk remaja. Dari segi sosialnya, wujud usaha untuk mencapai kebebasan daripada ibu bapa dan kebebasan untuk mencari identiti sendiri. Dari sudut undang-undang, remaja dikatakan berakhir pada umur 18-21 tahun apabila ia menjadi dewasa. Remaja diperingkat umur ini mudah terikut-ikut perangai rakan mereka. Jika tingkahlaku yang positif diikuti adalah digalakkan tetapi ada juga remaja yang terikut dengan tingkahlaku yang negatif seperti suka membuat kacau, bergaduh, melanggar disiplin dan sebagainya.

Fenomena gengsterisme yang kini hangat diperkatakan sebenarnya sudah lama membarah di kalangan remaja Malaysia. Ia hanyalah merupakan rentetan daripada isu-isu moral remaja yang lain seperti gejala lari dari rumah, buang bayi, penagihan dadah, lepak dan pelbagai lagi gejala yang telah sekian lama menghantui remaja negara kita. Gengsterisme ialah tingkahlaku yang membawa kepada akibat timbulnya kes-kes seperti kes bunuh, membuli, merogol, samun, peras ugut, mabuk, judi dan lain-lain lagi. Menurut Shaefer (2000), gengsterisme ialah tingkah laku atau perlakuan keagresifan, mungkin juga dikenali sebagai gengster atau samseng.

Memukul pelajar satu sama lain tidak diklasifikasikan sebagai kegiatan gengsterisme. Jika bilangan pemukul lebih daripada empat orang dari perspektif polis dianggap kegiatan gengsterisme. Tingkah laku gengsterisme dalam kalangan remaja yang masih bersekolah ialah satu fenomena global yang bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah Malaysia malah turut berlaku di sekolah-sekolah negara maju. Kegiatan gengsterisme yang melibatkan memukul pelajar ‘meletup’ tahun 2003 dengan menunjukkan banyak kes terjadi di sekolah.